



SIARAN MEDIA **KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI (MOSTI)**

ASPIRASI KELUARGA MALAYSIA: MOSTI CAPAI 100 PERATUS BAGI KESEMUA 33 INISIATIF

PUTRAJAYA, 12 DISEMBER 2021- Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi (MOSTI) berjaya mencapai sasaran 100 peratus bagi kesemua 33 inisiatif termasuk 3 petunjuk prestasi utama yang ditetapkan.

Menurut Ketua Setiausaha Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi, Datuk Zainal Abidin Abu Hassan, "Semua 33 inisiatif mencapai sasaran 100 peratus pada 7 Disember 2021 di mana 3 Aspirasi Keluarga Malaysia utama yang ditetapkan MOSTI telah dicapai lebih awal iaitu pada 15 November 2021. 3 aspirasi tersebut ialah pelancaran Pelan Hala Tuju Pembangunan Vaksin Negara dan penubuhan Institut Genom dan Vaksin Negara; pembangunan ekosistem industri pemula (*start-up*) yang komprehensif; serta penginovasian sistem penyampaian perkhidmatan kerajaan menerusi MyHackathon dan Malaysia Techlympics".

Sementara itu, Menteri Sains, Teknologi dan Inovasi, YB Dato' Sri Dr. Adham Baba berkata, "Kejayaan ini didorong oleh kebersamaan Keluarga MOSTI dan agensi-agensi di bawahnya yang berusaha gigih untuk mencapai sasaran ditetapkan. Dengan pencapaian cemerlang ini, MOSTI komited untuk terus memperkasakan dan membudayakan sains, teknologi dan inovasi bagi jangka pendek dan jangka panjang, serta memastikan apa juar inisiatif yang dilaksanakan sampai manfaatnya kepada Keluarga Malaysia".

Bagi dua suku pertama tahun 2022, MOSTI akan memberi fokus antaranya bagi pelan hala tuju kecerdasan pintar, internet benda (IoT), pertanian pintar, kenderaan elektrik dan nanoteknologi, pengkomersialan teknologi dron serta inovasi sosial. Pada masa sama,

MOSTI akan turut mempergiatkan lagi sokongan kepada ekosistem syarikat pemula tempatan.

MOSTI juga komited untuk mendukung aspirasi dan hasrat YAB Perdana Menteri, Dato' Sri Ismail Sabri Yaakob untuk semua kementerian merancakkan aktiviti turun padang jelajah Keluarga Malaysia. Usaha ini termasuk mempergiatkan program-program kementerian bagi merakyatkan sains, teknologi dan inovasi agar sampai ke akar umbi. MOSTI yakin dan komited lebih banyak kisah kejayaan bakal dilakar demi manfaat Keluarga Malaysia.

Sains, teknologi dan inovasi merupakan medium penjanaan dan pemulihran ekonomi negara pasca-pandemik COVID-19. Malah, jika diamati, apabila pandemik COVID-19 melanda dunia dan negara, semua pihak telah dengan segera mengadaptasi diri dengan teknologi agar tidak ketinggalan khususnya bagi tujuan kelangsungan perniagaan, mengurangkan interaksi fizikal iaitu dengan pendekatan *high tech-low touch*, serta memanfaatkan teknologi menggunakan pelbagai aplikasi bagi kemudahan seperti kesihatan, pendidikan dan penghantaran.

Senarai penuh kesemua 33 inisiatif 100 Hari AKM MOSTI termasuk 3 petunjuk prestasi utama seperti di lampiran.

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

12 DISEMBER 2021

-TAMAT-